

# PM kutuk serangan Israel ke atas misi pelayaran aman ke Gaza

**Kuala Lumpur:** Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengutuk serangan Israel terhadap Global Sumud Flotilla (GSF) yang dalam pelayaran keamanan ke Gaza.

Anwar menegaskan sokongan Malaysia kepada bantu-

an kemanusiaan untuk penduduk Gaza.

Beliau berkata demikian di Dili, Timor-Leste, semalam.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata penyertaan 34 wakil Malaysia dalam misi GSF ke

Gaza adalah lambang keberanian rakyat negara ini yang bersatu hati demi perjuangan kemanusiaan rakyat Palestin.

“Kabinet khususnya Perdana Menteri memberikan sokongan penuh kepada keberanian 34 individu daripada pelbagai pertubuhan bukan

Kerajaan (NGO) yang kini berdepan ancaman Israel untuk menggagalkan misi.

“Kita harap misi ini berjaya, bukan hanya untuk Malaysia tetapi juga 45 negara lain yang bersama 53 kapal flotilla ini,” katanya menerusi panggilan video bersama wakil Misi ke-

manusiaan GSF, Ahmad Musa Al-Nuwayri Kamaruzaman, di sini semalam.

Beliau turut menyampaikan salam daripada Perdana Menteri dan juga Jemaah Menteri kepada 34 delegasi Malaysia yang terbabit dalam misi berkenaan.